

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN LOKE SIEW FOOK**
[SEREMBAN]

TARIKH : **18 JUN 2014**

SOALAN :

YB. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membangun dan menaiktaraf Pelabuhan Pulau Pinang sebagai sebuah "*cruise terminal*" yang bertaraf antarabangsa bagi menarik lebih banyak kapal pelancong berlabuh di pelabuhan tersebut seiring dengan hasrat Kerajaan untuk memajukan sektor "*cruise tourism*" dalam rancangan NKEA.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelabuhan Pulau Pinang adalah pelabuhan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) yang merupakan sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan. Oleh itu, sebarang usaha menaiktaraf infrastruktur pelabuhan ini adalah di bawah bidang kuasa pihak berkenaan.

Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan, pembangunan Pelancongan Pelayaran (*Cruise Tourism*) telah disenaraikan sebagai Projek Permulaan Ke-6 (EPP 6). Dibawah EPP 6 ini, Majlis Pelayaran Persiaran Malaysia (MCC) telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. MCC berperanan untuk merangka hala tuju industri pelayaran persiaran negara dan menyelaraskan usaha pemasaran bagi menarik kapal-kapal pelayaran persiaran ke Malaysia termasuklah ke Pulau Pinang.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia dan Pejabat Pelancongan dan Kebudayaan Negeri memainkan peranan untuk mempromosikan pelabuhan-pelabuhan yang mempunyai kemudahan asas bagi kapal-kapal persiaran berlabuh. Selain itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga bekerjasama dengan pengendali terminal pelayaran persiaran dan agen-agen pelancongan di darat untuk membangunkan pakej-pakej pelancongan yang sesuai

dengan jadual di mana kapal persiaran berlabuh. Dengan usaha-usaha ini pengendali pelayaran akan mendapat keyakinan terhadap industri pelayaran di Malaysia dan dengan itu terus melihat Malaysia sebagai destinasi pelayaran (*cruise tourism*) yang menarik di rantau ini.

Sekian, terima kasih.